



Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Masalah hakisan yang berlaku di Pantai Mengabang Telipot, di sini semakin parah apabila jalan yang menghubungkan Mengabang Telipot-Pengkalan Maras boleh dikatakan hanya menunggu masa untuk runtuh akibat dibadai ombak dan angin kencang yang melanda malam, kelmarin.

Ketika ini, kedudukan jalan dengan pantai tinggal tidak sampai 50 meter dan penduduk semakin dihimpit keresahan kerana musim tengkujuh di-ramal pulih sepenuhnya pada Mac ini.

Sebelum ini, penduduk di tiga kampung iaitu di Kampung Tanjung Gelam, Kampung Tengah dan Kampung Kolam di Mengabang Telipot tidak tidur lena dengan masalah hakisan pantai yang mula dikesan sejak 10 tahun lalu terutama menjelang penghujung Oktober.

Kejadian itu menyebabkan penduduk menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apabila harta benda seperti wakaf, bot, sampan, rumah dan

chalet rosak akibat dibadai ombak besar serta air pasang.

Tidak cukup dihimpit keresahan mengenangkan kawasan kampung diancam hakisan dan ketiadaan pangkalan untuk mendaratkan bot bagi nelayan, kebimbangan semakin menjadi-jadi apabila hakisan mula membadai jalan.

Tinjauan Harian Metro mendapati pihak berkuasa tempatan (PBT) meletakkan kon di sekitar laluan berkenaan bagi memberi peringatan kepada pengguna jalan raya untuk lebih berhati-hati.

Turut dipasang, tali garisan amaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan orang ramai tidak menghampiri kawasan jalan yang runtuh akibat hakisan pantai itu selain kerja mengorek pasir juga giat dijalankan bagi mengurangkan masalah hakisan pantai.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara, Abd Rahman Bakar berkata, kebimbangan yang disuarakan sebelum ini menjadi realiti apabila dalam tempoh satu malam hampir 25 meter pasir pantai dihanyutkan ombak.

“Ombak kuat mengakibatkan jalan hampir runtuh dan jika keadaan angin kuat serta ombak besar seperti

malam tadi (malam semalam) berlaku lagi, tidak mustahil jalan ini akan runtuh.

“Perkara ini sudah disuarakan beberapa kali kepada pihak yang berkenaan tetapi tindakan yang diambil tidak seperti yang diharapkan sebaliknya keadaan menjadi lebih teruk.

“Apa yang kita lihat, pihak yang berkenaan sekadar datang membuat tambahan pasir dan batu. Ia bukan penyelesaian terbaik kerana ia hanya menambahkan lagi masalah hakisan,” katanya.

Abd Rahman berkata, pihaknya pernah menyuarakan pandangan kepada pihak berkenaan untuk membina dua benteng pemecah ombak dan perkara itu dipersetujui secara lisan.

Dalam pada itu, kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera untuk menangani masalah hakisan yang semakin teruk sejak kelmarin.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail berkata, JPS diminta untuk mencari jalan penyelesaian dan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mengatasi masalah hakisan itu.